



03 JUL, 2025

Elak terbeban, belajar jimat elektrik dari sekarang

Utusan Malaysia, Malaysia



Elak terbeban, belajar jimat elektrik dari sekarang

KAMI menyokong penstrukturan semula tarif elektrik yang tidak memberi kesan kepada majoriti pengguna. Langkah ini dilihat sebagai sokongan kepada usaha kerajaan dalam meringankan beban rakyat dan memastikan kesejahteraan pengguna terus terpelihara.

Mulai 1 Julai lalu, struktur tarif baharu diperkenalkan dengan beberapa komponen. Ia menguntungkan 23.6 juta pengguna domestik yang membayar bil sebanyak RM415 sebulan atau kurang. Golongan ini akan menikmati kadar yang lebih adil.

Jadi, penting (walaupun anda mungkin tidak terkesan dengan tarif baharu) untuk berjimat cermat.

Tenaga Nasional Bhd. (TNB) berkongsi panduan bagi menjimatkan penggunaan tenaga elektrik sepanjang tempoh peningkatan titik panas dan jerebu berikutan cuaca kering ketika ini.

TNB menerusi kenyataan memberitahu antara perkara mudah yang boleh diamalkan adalah dengan mematikan alat penyaman udara, kipas dan lampu dalam bilik yang kosong serta suis peralatan elektrik seperti komputer selepas selesai digunakan.

Selain itu, menghidupkan kipas pada waktu malam membantu pergerakan udara di dalam bilik dan tetapkan masa untuk alat penyaman udara dimatikan bagi penjimatan elektrik.

Pengguna juga digalak memilih alat elektrik berlabel cekap tenaga empat atau lima bintang oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) untuk membantu menjimatkan penggunaan elektrik di kediaman.

BULBIR SINGH

Bekas Presiden Persatuan Pengguna
Negeri Sembilan